

13 Mei sebutan lanjut kes lelaki mengaku kasari anggota polis

MIRI: Mahkamah Majistret menetapkan 13 Mei ini untuk sebutan lanjut kes seorang lelaki yang mengaku bersalah atas pertuduhan mengasari seorang anggota polis yang sedang melaksanakan tugas rasminya.

Manakala tertuduh dibebaskan dengan jaminan RM1,500 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Penetapan tarikh itu dibuat Majistret Sandy Yvette Freddy selepas membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya Farhan Fauzi yang permohonan ditetapkan tarikh baharu bagi membolehkan pihak pendakwaan mengemukakan fakta kes sebelum hukuman dijatuhkan.

Tertuduh, Mohd Hafizud-

din Maula Hasbi, 24, dari Kampung Dato, Mukah, didakwa mengikut Seksyen 353 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menyerang serta menggunakan kekerasan jenayah terhadap seorang penjawat awam, Konstabel Muhammad Azri Masli, yang sedang melaksanakan tugas sebagai anggota polis dengan memulas tangan dan menolaknya hingga menyebabkan kecederaan pada kaki kiri dan tangan kiri mangsa.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh pada jam 2 pagi, 3 Mei lalu di simpang Jalan Miri-Bypass di sini.